

Lelaki main judi di tempat awam didenda RM2,000

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman denda RM2,000 atau sebulan penjara terhadap seorang lelaki berusia 54 tahun yang mengaku bersalah bermain judi di tempat awam menggunakan telefon bimbitnya.

Hukuman itu dijatuhkan Pembantu Pendaftar Kanan Mahkamah Syazwani Sajeli terhadap Bong Chit Miaw

yang tidak diwakili peguam dan didakwa mengikut Seksyen 7 (2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Seksyen berkenaan membawa hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara maksimum enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, polis pada 20 September 2026 sekitar jam 5.05 petang

melaksanakan Ops Dadu di sebuah premis di Jalan Gold Jade di sini susulan disyaki terdapat aktiviti perjudian dalam talian.

Setelah membuat intipan selama 15 minit, polis menangkap tertuduh kerana dipercayai terlibat dengan perjudian dalam talian menggunakan aplikasi Mega888.

Turut dirampas adalah wang tunai RM210, sebuah

telefon bimbit serta satu meratan kertas tercatat ID dan kata laluan disyaki judi dalam talian.

Hasil siasatan mendapati Laporan Pakar Judi mengesahkan telefon bimbit tersebut adalah 'mesin judi' di bawah tafsiran Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Pendakwa andil dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Abdurrahman Abrar Jarni.